

## **Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia**

Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Penglibatan pelajar dalam melaksanakan solat sunat bukanlah suatu perkara yang baru. Justeru, tahap pengamalan solat sunat di kalangan pelajar SPI telah mendapat perhatian penyelidik. Di samping itu juga, kajian ini turut mengkaji jenis-jenis solat sunat yang diamalkan oleh pelajar SPI serta faktor-faktor utama yang mendorong pelajar melaksanakan solat sunat. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah memilih pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) sebagai responden. Seramai 46 pelajar telah dipilih untuk mewakili sampel kajian. Set soal selidik yang mengandungi 30 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan serta min dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS)* versi 12.0. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah  $\alpha = 0.8013$ . Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat-solat sunat. Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat sunat masih kurang memuaskan. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan mempertingkatkan lagi pengamalan solat sunat di kalangan pelajar SPI, khususnya di kampus.

*Katakunci :* amalan solat sunat, pelajar tahun akhir SPI

### **Pengenalan**

Ibadat solat merupakan amalan utama di antara ibadat-ibadat yang lain. Allah telah menjadikan manusia dan jin adalah untuk beribadat dan mengabdikan diri kepada-Nya. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

*Maksudnya: “ Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku”.*

(Az-Zariat, 51:56)

Solat merupakan kewajipan dan syiar pertama dalam Islam kerana ia merupakan satu bentuk penghambaan diri kepada Allah SWT. Solat juga merupakan ibadat yang paling agung berbanding dengan ibadat-ibadat lain kerana Allah telah mewahyukan solat kepada Rasulullah dengan cara yang istimewa iaitu ketika Nabi di mikrajkan. Sedangkan rukun Islam lain tidak seistimewa ibadat solat. Dalam erti kata yang sebenar solat merupakan amal ibadat dan tiang kepada agama Islam.

Ibadat solat secara umumnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu solat fardu dan solat sunat. Menjadi kewajipan ke atas setiap individu muslim lagi berakal menunaikan solat fardu lima kali sehari semalam walaupun dalam apa keadaan sekalipun. Begitu juga muslim dianjurkan agar menunaikan solat sunat supaya dapat melengkapkan kekurangan-kekurangan yang mungkin terdapat dalam solat fardu. (Rokma bt. Mamat, 2007: 3).

Seorang mukmin yang sejati tidak akan pernah merasa puas apabila ia hanya berada pada tahap menghampirkan diri kepada Allah dengan jalan mengerjakan segala yang fardu sahaja, tetapi dia mahu mendaki ke maqam yang lebih tinggi lagi iaitu ke peringkat “maqam mahmudah” atau maqam yang terpuji dengan melaksanakan ibadah-ibadah tambahan, yang dalam hal ini ialah solat-solat sunat.

Seorang mukmin yang sudah kuat jiwa dan kemahuannya, tidak akan merasa keberatan untuk melakukan solat-solat sunat disamping solat-solat yang difardukan ke atasnya. Malah mereka berasa gembira dan mendapat ketenangan jiwa dengan mengabdikan diri kepada Allah Taala semata-mata.

### **Penyataan Masalah**

Solat sunat merupakan salah satu cabang ibadah yang sangat dituntut untuk dikerjakan. Ia merupakan amalan pilihan dalam beribadat kepada Allah S.W.T. Sekiranya solat sunat tersebut dibuat maka akan mendapat pahala tetapi sekiranya tidak dibuat sebaliknya.

Disebabkan kurangnya kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan solat sunat menyebabkan mereka memandang remeh terhadap amalan solat sunat. Dalam diri mereka juga, tiadanya sikap ingin mengetahui serta mendalami secara terperinci tentang kelebihan dan hikmat yang diperolehi dengan melakukan solat sunat.

Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengupas beberapa objektif yang dicadangkan oleh pengkaji agar dapat mengetahui dan melihat sejauhmana pengamalan solat sunat dikalangan pelajar SPI dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana pelajar SPI merupakan contoh kepada pelajar-pelajar lain. Jadi sebelum melihat solat sunat pelajar lain terlebih dahulu penyelidik ingin melihat solat sunat di kalangan pelajar SPI.

### **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini dijalankan ialah:

1. Untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar SPI mengenai solat sunat.
2. Untuk mengenalpasti jenis-jenis solat sunat yang diamalkan oleh pelajar SPI.
3. Untuk mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar SPI melakukan solat sunat.

### **Kepentingan Kajian**

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu;

1. Memberi kesedaran kepada pelajar SPI itu sendiri memandangkan mereka merupakan aset yang penting dan merupakan contoh ikutan kepada pelajar lain.
2. Memberi pendedahan tentang kelebihan dan kepentingan amalan solat sunat.
3. Menggalakkan pelajar supaya memperbanyakkan solat sunat dan menggalakkan mereka supaya terlibat dalam aktiviti keagamaan.
4. Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan pelajar-pelajar yang beragama Islam faham dan mengamalkan solat sunat dengan sempurna.

### **Reka bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 96), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk melihat jenis-jenis pengamalan solat sunat dan sejauh mana tahap kefahaman terhadap solat sunat di kalangan pelajar tahun akhir SPI, Universiti Teknologi Malaysia. Selain itu, penyelidikan ini dijalankan untuk melihat faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk melakukan solat sunat. Kajian cuba untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara di atas melalui sampel yang diperolehi daripada responden.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 88), soal selidik biasanya digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas jawab, senarai semak atau skala

kadar. Soal selidik digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, anotrasi, emosi, perasaan, pandangan dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai 'nilai afektif'.

Dalam kaedah soal selidik, segala dapatan yang diperolehi adalah sulit dan dirahsiakan. Oleh itu, responden bebas untuk menyatakan pandangannya yang dirasakan betul. Menurut Mohd Majid Konting (2004: 202) soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Beliau juga berpendapat bahawa ketidak hadirannya penyelidik semasa responden memberikan jawapan akan mendorong responden untuk memberikan jawapan yang lebih tepat dan benar. Selain itu, penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa kerana ia dapat dijalankan serentak di satu-satu tempat dan pendedaran soal selidik juga dapat dijalankan dengan meluas.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 37), populasi ialah semua ahli dalam kelompok individu yang akan dikaji. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir iaitu pelajar tahun empat kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) yang mengikuti pengajian sepenuh masa sesi 2008/2009 seramai 46 orang. Sampel diambil daripada keseluruhan populasi. Penggunaan keseluruhan populasi adalah bagi memastikan tiada ralat pensampelan yang berlaku. Dalam kajian ini, sampel adalah seramai 46 orang pelajar yang dipilih daripada kalangan pelajar tahun empat SPI iaitu populasi yang dikaji.

### **Instrumen Kajian**

Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

**Pengumpulan Data Primer :** Kaedah pengumpulan data primer yang digunakan oleh pengkaji ini adalah menggunakan kaedah soal selidik sahaja. Kajian ini memilih soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya. (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 4). Manakala Suhana Ramli (2002: 30), pula berpendapat soal selidik mempunyai kebaikan tertentu. Antaranya ketepatan data, penjimatan kos serta masa, di samping itu, ia juga menghasilkan item-item yang dapat dipercayai. Soal selidik lebih sesuai serta dapat memenuhi tujuan kajian dengan kos yang berpatutan manakala alat kajian yang digunakan ialah kertas soal selidik yang diberikan kepada sampel yang dipilih. Soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C, dan D. Berikut merupakan item-item mengikut setiap bahagian.

**Pengumpulan Data Sekunder :** Data-data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperolehi melalui;

1. Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah, (PSZ) UTM.
2. Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
3. Buku-buku di Perpustakaan Universiti Malaya (UM).

### **Kajian Rintis**

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik telah menjalankan kajian rintis terlebih dahulu. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengetahui kebolehppercayaan dan kesahan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Melalui kajian rintis, penyelidik dapat

mengenal pasti kesukaran-kesukaran item seperti salah faham terhadap soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah yang berkaitan. Untuk tujuan kajian rintis ini penyelidik memilih sepuluh orang pelajar Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999: 71), selepas menjalankan kajian rintis ini, penyelidik boleh menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan. Selain itu melalui kajian rintis juga, penyelidik boleh berbincang dengan sampel rintis tentang masalah yang mungkin ada tentang ujian dari segi pernyataan soalan, bahasa, kaedah pentadbiran dan jangkamasa mengambil.

Dengan berdasarkan kepada analisis yang dibuat, *alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.8013. Ini bererti soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai koefisiennya melebihi 0.8 (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999: 100).

## Analisis Data

### Jenis-jenis Solat Sunat Yang Diamalkan Oleh Pelajar SPI

**Jadual 1: Taburan Skor Item 1-10**

Item	Perkara	Tidak setuju		Setuju		Min
		K	%	K	%	
1	Solat sunat bermaksud solat tambahan kepada solat fardu	1	2.2	45	97.8	4.58
2	Solat sunat dapat melengkapkan kekurangan-kekurangan yang mungkin timbul dalam solat fardu	2	4.4	44	95.6	4.58
3	Solat sunat terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Sunat Mutlak, Sunat Muqayyad, Sunat Ghairul Muakkad dan Sunat Muakkad	2	4.3	44	95.7	4.34
4	Tempat yang paling afdhal untuk melakukan solat sunat adalah di rumah	7	15.2	39	84.8	4.32
5	Saya lebih gemar melakukan solat sunat di rumah	7	15.2	39	84.8	4.10
6	Dengan melakukan ibadat sunat ia dapat menghapuskan sebahagian dosa yang telah dilakukan	2	4.4	44	95.6	4.30
7	Saya mengetahui bahawa solat sunat merupakan satu ibadat yang dapat mendekatkan diri kepada Allah	-	-	46	100.0	4.67

8	Saya mengetahui bahawa Allah mencintai hambaNya yang sering melaksanakan ibadat sunat	-	-	46	100.0	4.67
9	Bagi saya, solat sunat yang diamalkan dapat mempertingkatkan keimanan saya kepada Allah SWT	-	-	46	100.0	4.71
10	Melakukan solat sunat akan mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah Taala	-	-	46	100.0	4.69
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>4.49</b>

N = 46

Berdasarkan jadual 1, menunjukkan analisis item 1 hingga 10 bagi persoalan kajian yang pertama iaitu untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar SPI mengenai solat sunat. Hasil analisis ini menunjukkan hampir keseluruhan min bagi item tersebut mencatat paras tinggi. Min yang tertinggi bagi analisis item-item ini ialah diperolehi menerusi item 9 iaitu 4.71. Di mana majoriti responden bersetuju bahawa mereka mengatakan solat sunat yang diamalkan dapat mempertingkatkan keimanan kepada Allah SWT. Dapatan ini menunjukkan mereka faham tentang item yang di persoalkan. Purata min bagi keseluruhan item 1 hingga 10 ialah berada pada tahap tinggi iaitu 4.49.

### **Faktor-faktor Utama Yang Mempengaruhi Pelajar SPI Melakukan Solat Sunat**

**Jadual 2: Taburan Skor Item 21-30**

Item	Perkara	Tidak setuju		Setuju		Min
		K	%	K	%	
21	Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat sunat	14	30.4	32	69.6	3.76
22	Ibu bapa menggalakkan saya menunaikan solat sunat disamping ibadat fardu	4	8.7	42	91.3	4.23
23	Ibu bapa saya sentiasa melakukan solat sunat dan ia menjadi amalan bagi keluarga saya	8	17.4	38	82.6	4.13
24	Ibu bapa saya sering mengejutkan saya untuk melakukan solat sunat pada waktu tengah malam	34	73.9	12	26.1	3.17

25	Rakan selalu mengajak saya untuk melakukan solat sunat secara berjemaah di surau	32	69.6	14	30.4	3.02
26	Saya selalu mendapat informasi tentang kelebihan solat sunat daripada rakan saya	20	43.5	26	56.5	3.45
27	Saya mencontohi rakan saya yang sentiasa melakukan solat sunat	20	43.4	26	56.6	3.52
28	Media massa banyak membantu saya menyempurnakan bacaan dalam solat sunat	23	50.0	23	50.0	3.30
29	Saya banyak mendapat maklumat dan informasi mengenai solat sunat melalui media massa	22	47.8	24	52.2	3.41
30	Media massa banyak mempengaruhi saya dalam melakukan solat sunat	30	65.2	16	34.8	3.06
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>3.50</b>

N = 46

Berdasarkan jadual 2, menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan dengan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar SPI melakukan solat sunat. Item ke 22 telah mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.23. Ia berkaitan dengan “Ibu bapa menggalakkan saya menunaikan solat sunat disamping ibadat fardu”, di mana majoriti responden maengatakan mereka bersetuju dengan item tersebut. Diikuti pula dengan item ke 23 telah mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.13. Ia berkaitan dengan “Ibu bapa saya sentiasa melakukan solat sunat dan ia menjadi amalan bagi keluarga saya”.

Item ke 25 menunjukkan nilai min paling rendah iaitu 3.02 berkaitan dengan pernyataan “Rakan selalu mengajak saya untuk melakukan solat sunat secara berjemaah di surau,” di mana majoriti mengatakan kurang setuju.

Purata min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 3.50. Nilai min berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar SPI melakukan solat sunat berada pada tahap sederhana.

### **Perbincangan**

Merujuk kepada objektif kajian yang kedua iaitu berkaitan dengan jenis-jenis solat yang diamalkan oleh pelajar SPI. Kebanyakan responden memberikan maklumbalas yang positif dan bersetuju dengan persoalan yang diajukan. Sebanyak 10 item soalan dikemukakan pada bahagian ini dan min keseluruhan yang diperolehi adalah 4.58. Ini menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana.

Seterusnya dengan nilai min sebanyak 4.13, item 19 mencatatkan persetujuan kedua tertinggi. Ia memperkatakan tentang solat duha mampu memberi ketenangan selepas melakukannya. 86.9%

responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. ini bertepatan dengan pendapat yang dijelaskan oleh Abu Abdullah (2008: 195), bahawa barangsiapa yang melakukan solat duha pada awal siang hari nescaya Allah akan membersihkan hatinya dan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah. Manakala responden yang tidak setuju dengan item ini adalah 13.1%.

Selain itu antara item yang turut mencatatkan nilai min yang kedua terendah secara keseluruhan ialah item 16 iaitu sebanyak 3.00. Dalam item ini ia berkaitan dengan melakukan solat sunat pada waktu 1/3 malam. Kebanyakan responden tidak setuju dengan pernyataan ini, dan nilai peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 76.1%. Ini jelas menunjukkan mereka kurang berminat untuk melakukan solat sunat pada waktu malam. Pada waktu sepertiga malam kebanyakannya masing-masing sedang nyenyak tidur dan dibuai mimpi. Pada hal kita mengetahui bahawa solat lail mempunyai kelebihan yang dijanjikan oleh Allah, sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿٥١﴾ ءَاخِذِينَ مِمَّا آتَاهُم رُبُّهُمْ إِنَّهُمْ  
كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُحْسِنِينَ ﴿٥٢﴾ كَانُوا قَلِيلًا مِّنَ اللَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿٥٣﴾  
وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٥٤﴾

*Maksud: “ Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu berada dalam syurga-syurga yang dikelilingi mata air. Mereka menerima pemberian Tuhan mereka, sebab dahulu sebelum itu mereka selalu berbuat kebaikan, mereka dahulukan sedikit sekali tidur, dan waktu-waktu sahur (dini hari) mereka memohon keampunan (dari Tuhan mereka)”.*

(Al-Zariat, 51: 15-18)

Secara keseluruhannya dapatan kajian pada bahagian ini menjelaskan bahawa responden kurang melakukan solat sunat dalam kehidupan seharian mereka. Secara keseluruhan juga kebanyakan responden memahami dengan persoalan yang dikaji oleh pengkaji.

Berdasarkan objektif yang ketiga iaitu faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar SPI untuk melakukan solat sunat. Sebanyak 10 item dikemukakan dalam bahagian ini dan min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.50. Majoriti item yang dikemukakan menunjukkan nilai min berada pada tahap yang sederhana. Manakala nilai min yang berada pada tahap yang tinggi hanya sedikit sahaja.

Selain itu penyelidik juga ingin memberi tumpuan pada item 23 yang mempunyai nilai min kedua tertinggi iaitu 4.13. Jika dilihat pada item ini yang berkaitan dengan faktor ibu bapa juga, dimana ibu bapa sentiasa melakukan solat sunat dan menjadi amalan bagi setiap keluarga. Kebanyakan responden bersetuju mengatakan bahawa ibu bapa mereka sentiasa melakukan solat sunat. Dengan adanya ibu bapa yang sedemikian, secara tidak langsung akan mendorong dan menggalakkan anak-anak untuk melakukan solat sunat. Di sini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa sepatutnya menjadi *role model* dan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Menurut Fatin Faqeriah (2007: 26), menjelaskan bahawa ibu bapa, adalah *role model* dan contoh teladan yang terbaik kepada anak-anak supaya anak-anak menjadi seorang insan yang beramal soleh dan bertakwa kepada Allah Taala.

Item 25 yang berkaitan dengan persoalan rakan sebaya yang selalu mengajak untuk melakukan solat sunat berjemaah di masjid. Item ini telah memperolehi nilai min yang paling rendah iaitu 3.02. Ia berpunca daripada 69.6% responden yang mengatakan tidak setuju dengan pernyataan item tersebut. Hal ini mungkin kerana sesetengah responden menganggap mereka melakukan solat sunat atas kehendak sendiri dan bukannya ajakan atau pun dorongan daripada rakan-rakan sekeliling

mereka. Namun begitu, ada juga responden yang dikaji bersetuju dengan item tersebut. Ini mungkin kerana rakan sebaya memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi seseorang itu untuk melakukan solat sunat. Menurut Aniesma Niza (2007: 42), rakan sebaya merupakan faktor yang paling berkesan sama ada untuk menyumbang ke arah kebaikan ataupun keburukan. Disini jelas menunjukkan rakan sebaya memainkan peranan yang amat besar dalam mempengaruhi seseorang. Meskipun terdapat kajian yang mengatakan rakan sebaya berpengaruh besar dalam tindak-tanduk sekarang, ia tidak termasuk dalam kajian yang penulis kaji.

### **Rujukan**

Al-Quran Al-Karim

Abdul Ghani Azmi Haji Idris (1998). *Pedoman Solat-solat Sunat Menurut Rasulullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.

Drs. Jalaluddin (1987). *Pendidikan Islam Dalam Rumahtangga*. Jakarta: penerbit Kalam Mulia.

Dr. Mustofa al-Khin (2000). *Fiqh al- Manhaji*. Damsyik: Darul Qalam.

Imam al-Hafiz bin Daud (1995). *Sunan Abu Daud*. Maktabah al-asriyyah Shaida Buierut.

Muhammad Abdul Latif (2001). *Solat Kesannya Keatas Iman dan Nafs*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.

Maryam Abdul Majid (1999). *Bimbingan Ibadat*. Johor Bahru: Penerbit Badan Cemerlang Sdn.Bhd.

Rokma bt Mamat (2006/2007). *Amalan Solat Sunat. Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Akademi Pengajian Islam. UM*. Tesis Sarjana Muda.

Suhaimi Yassin (1989). *Sembahyang*. Kuala Lumpur: Nurin

Syaikh Hasan Ayyub (2002). *Fikih Ibadah*. Kairo Mesir: Penerbit Dar al-Tanzi'wa An-Nashr Al-Islamiyah.

T.A Lathiet Rousydiy (1997). *Solat-solat Sunat Rasulullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Edaran Kalam.

Wahbah al-Zuhaili (1994). *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.